

# Tun M dakwa rasuah punca DUN Sabah dibubar

m/s: 6

Sinar Harian - 4/8/2020

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa berlaku amalan rasuah dalam kalangan ahli politik di Sabah menyebabkan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal terpaksa membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menggagalkan cubaan rampasan kuasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dakwa beliau, seramai 13 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri itu bertindak berpaling tadah kepada pembangkang selepas menerima sogokan.

Katanya, beliau mendapati 13 ADUN yang keluar daripada parti kerajaan negeri ditawarkan wang. Mereka disogok dan ia sesuatu yang ingin dihapuskan.

“Mereka akan ditolak sepenuhnya oleh rakyat Sabah kerana mereka tidak boleh dipercayai. Mereka hanya ikut duit, bukan ada prinsip.



**DR MAHATHIR**

“Apabila mereka mendapat duit, mereka melompat,” katanya ketika terlibat dalam rancangan bual bicara dalam talian yang dianjurkan oleh kumpulan usahawan MyPerintis di sini semalam.

Bual bicara itu disiarkan secara langsung di Facebook MyPerintis.

Menurutnya, beliau akan turun berkempen menentang Perikatan Nasional (PN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang bakal diadakan di negeri itu.

“Saya akan pergi ke Sabah kerana saya mendapati bahawa apa yang berlaku di Sabah adalah contoh rasuah yang sangat buruk.

“Wakil rakyat boleh meninggalkan parti mereka dalam isu-isu prinsip dan bukannya kerana ditawarkan habuan,” katanya.

Beliau turut menggesa pengundi di negeri itu menghukum kumpulan ADUN yang lompat parti menerusi PRN Sabah.